

# SINOPSIS

Bil 8/2025



**"Koperasi kini berperanan sebagai pemangkin utama kepada pembangunan ekonomi negara "**

-Ketua Menteri Melaka





# HARI KOPERASI NEGARA 2025

## FAKTA MENARIK HARI KOPERASI NEGARA 2025

**25-27 JULAI 2025**  
**MITC, AYER KEROH, MELAKA**

KOPERASI MEMPERKASA KOMUNITI, MEMBINA NEGARA MADANI

Penganjuran **Hari Koperasi Negara (HKN) 2025** selama tiga hari berturut-turut dari 25 hingga 27 Julai 2025 di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka telah mencatatkan kejayaan cemerlang apabila berjaya merekodkan potensi jualan keseluruhan berjumlah RM21.7 juta. Dengan tema "Koperasi Memperkasa Komuniti, Membina Negara MADANI", acara kebangsaan ini bukan sahaja menjadi pentas untuk meraikan pencapaian gerakan koperasi, malah membuktikan bahawa koperasi terus menjadi pemacu kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Daripada jumlah itu, RM1.1 juta merupakan hasil jualan langsung oleh koperasi dan usahawan yang mengambil bahagian dalam aktiviti pameran dan jualan sepanjang program berlangsung. Di samping itu, nilai potensi jualan turut diperoleh menerusi pemeteraian pelbagai memorandum persefahaman (MoU) antara koperasi dan agensi berkaitan.

Pencapaian ini membuktikan kekuatan dan daya saing koperasi dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, selain menjadi platform penting dalam mengukuhkan jaringan perniagaan koperasi.

Sebanyak 242 rruai pameran dibuka mewakili pelbagai koperasi, agensi kerajaan, dan usahawan dari seluruh negara, manakala jumlah kehadiran pengunjung dicatatkan seramai 58,114 orang sepanjang tiga hari penganjuran.

Pelbagai ruang pameran dan jualan seperti Jualan Madani Koperasi dan Usahawan (JMKU), Jualan Agro Madani, dan "Coop Tourism Fair" menerima sambutan hangat daripada orang ramai. Inisiatif ini membolehkan pengunjung mendapatkan barang keperluan harian dengan harga berpatutan sambil menyokong produk tempatan yang diusahaikan oleh koperasi.

**RM21.7 JUTA**

POTENSI JUALAN - termasuk **RM1.1 juta** jualan langsung oleh koperasi.

**242 RERUAI PAMERAN DAN JUALAN**

daripada agensi Kerajaan, swasta, koperasi dan usahawan.

**58,114 PENGUNJUNG**

hadir memeriahkan MITC sepanjang 3 hari.

**KUTIPAN SAMAN PDRM MELAKA**

mencecah **RM27,160** dengan diskaun 30%.

**655 PENCARI KERJA**

direkodkan melalui *MyFutureJobs On-The-Go* (PERKESO).

**SUMBANGAN WAKALAH SKM**

sebanyak **RM5,000** kepada Masjid Al-Alami MITC Melaka dan Madrasah Bustanul Ulum Abu Bakar Melaka.

**HKN 2025**

CATAT POTENSI JUALAN

**RM 21.7 JUTA**

DAN TARIKAN LEBIH

**58,000 PENGUNJUNG**

Antara pameran utama yang menarik perhatian ialah pameran kenderaan elektrik (EV) dan teknologi pintar, termasuk demonstrasi produk dan penerangan berkaitan subsidi serta potensi kerjasama koperasi dalam bidang automotif hijau. Selain itu, pameran aset Angkatan Tentera Malaysia memberikan ruang kepada pengunjung untuk lebih memahami peranan pertahanan dalam membina hubungan masyarakat-koperasi. Pameran TVET, STEM dan AI turut mendapat sambutan tinggi daripada golongan belia dan pelajar sekolah, yang teruja menyaksikan demonstrasi teknologi seperti pencetakan 3D, robotik, dan AI.



## JOM BAYAR SAMAN SEMPENA HARI KOPERASI NEGARA (HKN) 2025

Kaunter Kompaun Saman Trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berjaya merekodkan kutipan kompaun sebanyak RM27,160, hasil penyertaan aktif PDRM Melaka, memberikan impak positif dari segi pematuhan undang-undang serta menyumbang kepada hasil Kerajaan. Kaunter ini telah dibuka kepada orang ramai pada 26 dan 27 Julai 2025, dengan menawarkan diskaun istimewa sebanyak 30% bagi semua kompaun saman trafik PDRM di seluruh negara. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan orang awam menyelesaikan saman tertunggak dengan lebih mudah dan menjimatkan, di samping mendidik masyarakat mengenai kepentingan pematuhan undang-undang jalan raya.

### INFO MENARIK

#### KUTIPAN SAMAN PDRM MELAKA

mencecah  
**RM27,160,**  
dengan  
diskaun 30%.





## KEMPEN DERMA DARAH

# INISIATIF KESIHATAN RAKYAT: KEMPEN JOM DERMA DARAH, SARINGAN KESIHATAN & DERMA ORGAN

Penganjuran Hari Koperasi Negara (HKN) 2025 turut menampilkan penglibatan aktif sektor kesihatan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif bermakna kepada masyarakat. Penyertaan sektor kesihatan ini memperkuuh lagi nilai inklusiviti dan kepedulian sosial dalam penganjuran HKN 2025, yang bukan sahaja menumpukan kepada pembangunan ekonomi koperasi, tetapi turut mengangkat nilai kemanusiaan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat secara holistik.

Hospital Melaka telah mengambil bahagian dengan menganjurkan Kempen Jom Derma Darah, yang bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menderma darah serta memastikan bekalan darah negara kekal mencukupi, khususnya untuk kegunaan kecemasan dan rawatan kritikal. Hospital Melaka telah berjaya menerima 57 beg darah yang diderma oleh pengunjung sepanjang program HKN berlangsung.

## INFO MENARIK

**HOSPITAL MELAKA**  
berjaya  
menerima  
**57 beg darah**

Hospital Melaka menyumbang kepada usaha pemerkasaan kesihatan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan secara percuma, merangkumi pemeriksaan asas seperti tekanan darah, paras gula dan kolesterol. Hospital Melaka juga turut melaksanakan Kempen Derma Organ, yang berperanan memperluas kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendermaan organ sebagai satu bentuk amal jariah dan sumbangan besar kepada mereka yang memerlukan.





## SERLAHKAN PRODUK TEMPATAN BERKUALITI

Salah satu tarikan utama sepanjang Hari Koperasi Negara 2025 (HKN'25) yang berlangsung di MITC, Melaka ialah Jualan Madani Koperasi dan Usahawan (JMKU), yang menghimpunkan pelbagai koperasi dari seluruh negara bagi mempamer dan menjual produk-produk keusahawanan mereka kepada orang ramai. Inisiatif ini bertujuan untuk memperluas pasaran produk koperasi sambil mendekatkan hasil keluaran usahawan tempatan kepada pengguna akhir.

### INFO MENARIK

**JMKU**  
**“HAPPY HOUR”**  
**DISKAUN SEHINGGA 30% PERATUS**

Melalui penyertaan ini, JMKU bukan sahaja memacu ekonomi komuniti melalui jaringan koperasi dan usahawan, malah membuktikan bahawa koperasi adalah pemain utama dalam menyediakan produk berpatutan, berkualiti dan berdaya saing kepada masyarakat. Jualan Madani ini secara langsung menyokong visi kerajaan dalam memperkuuh daya tahan ekonomi rakyat, sejajar dengan prinsip keusahawanan sosial dan semangat MADANI yang inklusif.

Antara koperasi yang terlibat termasuklah:

- 01** **KOPERASI KELUARGA IBU AZMI SELANGOR BERHAD**  
MAKANAN LAUT SEJUK BEKU (SOTONG, UDANG, IKAN)
- 02** **KOPERASI KAKITANGAN PENJARA MELAKA BERHAD**  
BARANGAN RUNCIT DAN MAKANAN KERING
- 03** **ANGKASA**  
PRODUK BERJENAMA KOPERASI (MAKANAN, PAKAIAN, BARANGAN RUMAH)
- 04** **KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD**  
MAKANAN SEJUK BEKU UNTUK KELUARGA MODEN
- 05** **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
AYAM SEGAR, SAYUR-SAYURAN DAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN



# D'Dapur coop

## D'DAPUR COOP TARIKAN SELERA DI HKN'25

Segmen D'Dapur Co-op sepanjang sambutan Hari Koperasi Negara 2025 di MITEC, Melaka menampilkan pelbagai juadah tradisional dan moden hasil air tangan koperasi-koperasi tempatan. Ia bukan sekadar medan menjamu selera, malah menjadi platform pengukuh peranan koperasi dalam sektor makanan dan minuman.

Kepelbagaian menu dalam D'Dapur Co-op bukan sahaja menunjukkan kreativiti dan keupayaan koperasi dalam sektor makanan, tetapi turut memperlihatkan kekuatan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berasaskan komuniti. Melalui penyertaan aktif ini, koperasi bukan sahaja dapat menjana pendapatan melalui jualan makanan, malah berjaya memperkenalkan jenama koperasi kepada khalayak lebih luas.

Lebih penting, D'Dapur Co-op juga membina jalinan kolaborasi antara koperasi makanan dengan agensi-agensi sokongan seperti FAMA, KPDN dan SKM bagi membuka ruang ke arah pensijilan, pembungkusan komersial serta peluang eksport. Ia mencerminkan potensi luar biasa koperasi dalam bidang pemprosesan dan penyajian makanan, sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

### INFO MENARIK

#### **D'DAPUR COOP**

**Koperasi**  
yang Menyajikan  
Selera Rakyat

Antara koperasi yang terlibat termasuklah:

**KOPERASI GABUNGAN MASJID-MASJID NEGERI MELAKA BERHAD**  
SATE DIBAKAR SEGAR



**KOPERASI HIKMAH MELAKA BERHAD**  
AIR BUAH, AIR SODA, MINUMAN HERBA TEMPATAN

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**  
NASI MINYAK, NASI TOMATO, SUP UTARA, LAUK-PAUK NASI CAMPUR



**KOPERASI BELA MASYARAKAT MELAKA BERHAD**  
ASAM PEDAS MELAKA

**KOPERASI PEMBANGUNAN PENIAGA KECIL MELAYU MALAYSIA BERHAD**  
ASAM PEDAS MELAKA



**KOPERASI AGRO MAKANAN SELANGOR BERHAD**  
MAKANAN SEDIA DIMAKAN, SEJUK BEKU & BERASASKAN PERTANIAN

**KOPERASI USAHAWAN GROOM BIG PP BERHAD**  
CHAR KUEY TEOW & MEE GORENG MAMAK




**KOPERASI PELANCONGAN HANYA D'PASOH BERHAD**  
KAMBING GOLEK & KOPI KAMPUNG

**KOPERASI KASSOR MUAR BERHAD**  
MEE BANDUNG & MEE JAWA



**KOPERASI KELUARGA JOHAR RUGAYAH RENGIT BATU PAHAT BERHAD**  
MEE REBUS & LAKSA JOHOR



# **PREMIER SLOT**

## **KOPERASI**

### **PREMIER SLOT: KISAH KEJAYAAN 5 KOPERASI PREMIER MALAYSIA**

Premier Slot merupakan sesi eksklusif yang menampilkan lima koperasi premier Malaysia dalam satu platform khas bagi berkongsi kisah kejayaan, inovasi, dan strategi yang membentuk kejayaan mereka. Slot ini memberikan peluang kepada pengunjung untuk mendalami ilmu, pengalaman dan pendekatan terkini yang telah terbukti berjaya dalam mengukuhkan peranan koperasi di peringkat nasional dan komuniti.

Setiap sesi dipenuhi dengan perbincangan berkualiti yang menyentuh pelbagai aspek penting, dari pengurusan koperasi, pemasaran digital, hingga peranan koperasi dalam kebajikan anggota dan masyarakat. Penceramah terdiri daripada pemimpin kanan koperasi yang berpengalaman dan dihormati, berkongsi wawasan serta cabaran yang mereka hadapi dalam mengemudi organisasi mereka ke arah kecemerlangan.



#### **PREMIER SLOT 1**

##### **KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD**

**TAJUK:**  
**KOPERASI TENTERA UNTUK  
ANGGOTA & MASYARAKAT**

**PECERAMAH:**  
1) ENCIK MOHAMAD  
KHAIRUL ANUAR  
2) ENCIK MOHAMED & T.  
HAJI HAFIZI BIN ABDUL  
MUTALIF

#### **PREMIER SLOT 2**

##### **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD**

**TAJUK:**  
**STRATEGI PEMASARAN  
DIGITAL**

**PECERAMAH:**  
ENCIK ABD AZHAREE  
ABDUL WAHID

#### **PREMIER SLOT 3**

##### **KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**

**TAJUK:**  
**CELIK, BIJAK, PEKA:  
TANGANI SCAMMER**

**PECERAMAH:**  
ENCIK MOHD SHARIMAN  
BIN MAZLAN

#### **PREMIER SLOT 4**

##### **KOPERASI NLFCS BERHAD**

**KOPERASI SUMBANG  
KEBAJIKAN ANGGOTA &  
MASYARAKAT**

**PECERAMAH:**  
1) TAN SRI DATO PROF DR.  
T. MARIMUTHU  
2) DATO S. KILI RATHNARAJ

#### **PREMIER SLOT 5**

##### **KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

**TAJUK:**  
**KERANA HANDPHONE  
HIDUP MERANA**

**PECERAMAH:**  
ENCIK RAHMAT FITRI BIN  
ABDULLAH



# POCKET TALK AGENSI

## POCKET TALK: SESI SANTAI, ILMU MANTAP!

Dalam usaha memperkasakan pengetahuan dan kemahiran para koperator dan pengunjung sepanjang tiga hari, siri Pocket Talk dianjurkan di Pentas Utama, Hall A, MITC menawarkan pelbagai topik menarik dan relevan berkaitan koperasi, teknologi, pemasaran digital serta keusahawanan sosial.

Setiap sesi Pocket Talk menampilkan penceramah berkaliber yang berkongsi pengalaman dan strategi terbaik mereka secara ringkas dan padat, sesuai untuk peserta yang mahu menambah ilmu tanpa mengganggu jadual padat mereka.



### POCKET TALK 1

#### INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMA)

TAJUK:  
TEKNOLOGI AI:  
FANTASI KE REALITI

PECERAMAH:  
ENCIK ABD AZHAREE  
ABDUL WAHID

### POCKET TALK 2

#### MYNIC

TAJUK:  
INSENTIF PROGRAM  
DOMAIN COOP.MY +  
EMAIL HOSTING

PECERAMAH:  
ENCIK FIZULLAH BIN ABU  
BAKAR

### POCKET TALK 3

#### MYMALL

TAJUK:  
JOM MYMALL:  
PLATFORM PERCUMA  
TANPA KOMISEN

PECERAMAH:  
1) PUAN PUTRI BALQISH  
AGALAN

### POCKET TALK 4

#### INSKEN

TAJUK:  
MENGARUSPERDANAKAN  
PERUSAHAAN SOSIAL

PECERAMAH:  
PUAN NURUL LIANA IRFAN  
BINTI RAMLI

### POCKET TALK 5

#### ANGKASA

TAJUK:  
KELESTARIAN &  
TRANSFORMASI  
PERNIAGAAN KOPERASI

PECERAMAH:  
PUAN NURUL IZATEE MD  
YUSOFF

#### PERNAS

TAJUK:  
MENEROKAI PELUANG  
PERNIAGAAN FRANCIS  
BERSAMA PERNAS

PECERAMAH:  
ENCIK R. MOHD  
ANDRIANSYAH B. R. ADE  
DAUD

#### TVET

TAJUK:  
KOPERASI & PENDIDIKAN  
TVET: KOLABORASI  
MENUJU PEKERJAAN  
BERKUALITI

PECERAMAH:  
TUAN HAJI BR JAMIL BIN  
BAKRI

#### RAYAT TRUSTEE BERHAD

TAJUK:  
PEWARISAN SATU  
PELUANG PERNIAGAAN  
KOPERASI

PECERAMAH:  
ENCIK AHMAD SAHRUL  
BIN MOHAMAD





## PELBAGAI AKTIVITI MENARIK MENGGAMIT KEHADIRAN PENGUNJUNG

Seiring dengan matlamat untuk mendekatkan gerakan koperasi kepada masyarakat umum, pengajur telah menyusun pelbagai persembahan menarik melibatkan artis-artis tanah air dan kumpulan kebudayaan dari pelbagai agensi. Antara artis popular yang menghiburkan pengunjung sepanjang tiga hari acara termasuklah Rahmad Mega, Reza AF, Helmi the Gimmick, Zur Eda, Azan Scan, Ara Johari, Amir Masdi, Sham Visa dan Aris Ariwatan. Persembahan mereka di Pentas Utama Hall A MITC menjadi antara tarikan utama yang menggamtih kehadiran pengunjung pelbagai peringkat umur.

Selain itu, pentas turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan seperti zapin, gamelan, dan lagu klasik oleh kumpulan tempatan seperti Kombo Henry Gurney (Jabatan Penjara Malaysia), Koperasi Mbah Anang Muar Berhad, P. Radhi, serta The Specator Band dan Bridged Seni yang mencerminkan kekayaan budaya dan warisan negeri Melaka.

Acara kemuncak pada malam 25 Julai turut menampilkan Forum Perdana Ehwal Islam bertemakan "Koperasi Membina Kesejahteraan Ummah", yang dikendalikan oleh Ustaz Zakaria Othman selaku moderator, serta barisan panelis tersohor iaitu Ustaz Harryanto Rizal Rokman dan Ahmad Izzhar Ahmad Nazri. Majlis forum ini dimulai dengan persembahan khas nasyid oleh kumpulan popular, Saujana.





## SUKAN RAKYAT: AKAR TRADISI, JIWA KOMUNITI

Bagi meraikan kemeriahannya dalam suasana santai dan berunsurkan kekeluargaan, HKN 2025 turut menampilkan pelbagai pertandingan dan demonstrasi sukan rakyat. Antaranya termasuk pertandingan Konda-Kondi, Dam Aji, Congkak, dan Open Street Soccer Penalty Shoot -Out yang mendapat sambutan meriah daripada pengunjung. Aktiviti ini bukan sahaja menyemarakkan nostalgia permainan tradisional, malah menggalakkan semangat kesukanan dan perpaduan.

Sebagai sebahagian daripada pengisian strategik sempena Hari Koperasi Negara (HKN) 2025, satu acara Networking Golf telah diadakan pada 26 Julai 2025 bertempat di Orna Golf & Country Club, Melaka. Acara ini dianjurkan oleh Coop-bank Pertama (CBP), dan menghimpunkan wakil-wakil utama koperasi, agensi kerajaan serta rakan strategik industri dalam suasana santai dan eksklusif.



Turut dianjurkan adalah Co-op Fun Walk dan sesi Zumba di D'Dapur Co-op yang berlangsung pada pagi 27 Julai, serta pertandingan E-Games yang menyasarkan penglibatan golongan belia. Pertandingan bowling anjuran IKMA yang diadakan di Melaka International Bowling Centre (MIBC) juga mendapat penyertaan memberangsangkan dengan 30 kumpulan terlibat.





## PERTANDINGAN KREATIF DAN MASAKAN SEMARAKKAN KREATIVITI

Bagi mengetengahkan kreativiti dan bakat dalam kalangan pengunjung serta peserta dari pelbagai koperasi, beberapa pertandingan telah dianjurkan sepanjang karnival. Antaranya termasuk Pertandingan Gubahan Pulut Kuning, Pertandingan Memasak HKN'25, serta pertandingan istimewa Cabaran Teh Tarik yang menguji kemahiran dan teknik penyediaan minuman ikonik Malaysia.

Tidak ketinggalan, pertandingan hiburan seperti *Battle of the Band*, Karaoke Terbuka, serta Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak telah memberi peluang kepada pengunjung untuk turut serta secara aktif dalam memeriahkan suasana. Acara-acara ini secara langsung mencerminkan pendekatan inklusif yang menjadikan HKN 2025 sebagai sebuah acara rakyat yang menyatukan semua lapisan masyarakat.





## MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN HKN 2025 DISEMPURNAKAN KETUA MENTERI MELAKA

Acara kemuncak sambutan Hari Koperasi Negara (HKN) 2025 yang berlangsung selama tiga hari di MITC, telah melabuhkan tirainya dengan Majlis Perasmian Penutupan yang berlangsung pada 27 Julai 2025 (Ahad). Majlis bermula pada jam 10 pagi dan berlangsung selama dua jam. Majlis bersejarah ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka yang hadir sebagai tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, Ketua Menteri Melaka menegaskan bahawa gerakan koperasi bukan lagi dianggap sebagai entiti ekonomi kecil yang bersifat pinggiran. Sebaliknya, koperasi kini berperanan sebagai pemangkin utama kepada pembangunan ekonomi negara dan penggerak perubahan sosial yang signifikan, selari dengan prinsip-prinsip yang diketengahkan dalam kerangka Ekonomi MADANI. Menurut beliau, koperasi bukan sahaja membantu memperkuat jaringan ekonomi setempat, malah berupaya menyediakan peluang pekerjaan, memperkasakan komuniti dan memacu pertumbuhan inklusif yang mampan.

Beliau turut menyeru agar penglibatan generasi muda dalam bidang koperasi perlu terus dijatkan melalui pendekatan yang lebih strategik dan inklusif. Golongan belia dilihat sebagai aset penting dalam memastikan kelangsungan serta transformasi koperasi ke arah yang lebih progresif dan inovatif. Dalam konteks tersebut, beliau mencadangkan agar koperasi masjid diperkasa dan dimartabatkan sebagai pusat ekonomi komuniti umat Islam, yang bukan sahaja berperanan dalam aspek ibadah tetapi turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat.

Selain itu, beberapa koperasi ternama negara seperti Koperasi Kakitangan Petronas Berhad, Koperasi Tenaga Nasional Berhad (TNB), dan Koperasi Ladang Berhad turut menerima anugerah dalam kategori koperasi terbaik, sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang dalam tadbir urus, inovasi dan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam masa yang sama, anugerah sektor turut diberikan kepada koperasi-koperasi dalam bidang kewangan, pertanian, peruncitan, pembuatan dan pembinaan sebagai galakan kepada pembangunan sektor koperasi yang lebih dinamik dan mampan.





## MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN HKN 2025 DISEMPURNAKAN KETUA MENTERI MELAKA

Menyerlahkan lagi komitmen kerajaan dalam memperkuuh ekosistem koperasi negara, majlis ini turut menampilkan penyampaian simbolik bantuan dan dana pembangunan koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Antara bentuk bantuan yang disampaikan termasuklah serahan cek cura Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM42.8 juta, Bantuan Program Pembangunan Perniagaan Mikro Koperasi (PPMK 2.0) sebanyak RM1.8 juta,

Majlis juga menyampaikan Geran Program Pendidikan dan Penyelidikan bagi tempoh lima tahun berjumlah RM10 juta yang disalurkan kepada Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM). Geran ini bertujuan memperkuuh peranan UKKM sebagai pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan penyelidikan koperasi di negara ini.

Dengan peruntukan ini, UKKM dijangka dapat memperluaskan lagi skop penyelidikan strategik, memperkasa program latihan keusahawanan koperasi, serta memperkenalkan kurikulum dan modul inovatif yang selaras dengan kehendak pasaran dan keperluan pembangunan koperasi masa hadapan. Inisiatif ini turut menjadi antara langkah jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan kualiti tadbir urus, profesionalisme dan daya saing koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Pemberian geran ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan terhadap pembangunan modal insan dalam sektor koperasi, di samping memperkuuh UKKM sebagai institusi utama yang menerajui agenda pembangunan kapasiti dan kepimpinan koperasi negara.

Kesemua dana ini dijangka memberi manfaat langsung kepada koperasi-koperasi di seluruh negara dalam memperkuuh operasi, meningkatkan kapasiti perniagaan dan memperluas jaringan pasaran masing-masing.



## HARI KOPERASI NEGARA 2025

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

SURuhanJaya  
KOPERASI  
Malaysia

SELAMAT DATANG

WELCOME

HARI  
KOPERASI

25-27 JULAI 2025

## Koperasi Memperkasa Komuniti, Membina Negara MADANI

Sepanjang tiga hari pelaksanaan, HKN'25 telah berjaya menarik ribuan pengunjung dari seluruh negara dengan penganjuran yang menyeluruh dan inklusif. Acara ini bukan sahaja menjadi medan promosi koperasi, tetapi juga berjaya merapatkan hubungan antara masyarakat, pemimpin, agensi kerajaan dan pihak swasta dalam membina jaringan kerjasama yang mampan.

**HKN'25 telah  
membuktikan  
bahawa koperasi  
mampu memacu ke  
hadapan dengan  
pendekatan moden,  
inklusif, dan  
menyeluruh.**

Dengan kehadiran lebih 16,000 koperasi berdaftar di Malaysia, melibatkan 7.2 juta ahli, dan mencatatkan perolehan tahunan mencecah RM68 bilion serta aset terkumpul RM173 bilion, gerakan koperasi kini bukan sekadar alternatif ekonomi – ia adalah jentera strategik negara dalam melestarikan pembangunan seimbang. HKN'25 telah membuktikan bahawa koperasi mampu memacu ke hadapan dengan pendekatan moden, inklusif, dan menyeluruh.

Sebagai penutup, sambutan Hari Koperasi Negara 2025 telah menjadi simbol sinergi dan solidariti. Ia membuktikan bahawa koperasi adalah milik rakyat, untuk rakyat, dan oleh rakyat – mengangkat semangat “Koperasi Memperkasa Komuniti, Membina Negara MADANI” ke tahap yang lebih tinggi.




## MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN HKN'25





HKN'25





HKN'25



## HKN '25



